

SEMINAR KESEDARAN ALAM BERSAMA KOMUNITI RANAU, SABAH

Dirasmikan Oleh: **YB. DATUK MASIDI MANJUN**
Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah

FEBRUARI 2012 | 8.30-11.00 pagi | DEWAN MASYARAKAT RANAU, SABAH

Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

DENGAN KERJASAMA

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah | Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Pusat Penyelidikan Sistem Perubahan Iklim Tropika (IKUM), UKM

Pejabat Daerah Ranau, Sabah | Pejabat Pelajaran Daerah Ranau, Sabah (PPD) | JKKK Kg. Kilimu, Ranau, Sabah



Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Komuniti Ranau, Sabah

Artikel oleh: *Dr. Ismail Abd. Rahim*

Satu program kesedaran alam sekitar bersama komuniti Ranau bertemakan "Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" telah dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersama Unit Kajian Bencana Alam (UKBA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 1 - 14 Februari 2012 di Ranau, Sabah. Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi ilmu pengetahuan, maklumat dan pengalaman dengan komuniti setempat berkenaan kesedaran, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar. Antara peserta yang terlibat adalah wakil dari agensi-agensi Kerajaan, Majlis Daerah Ranau dan komuniti setempat seperti JKKK, ketua kampung dan pelajar sekolah. Terdapat empat aktiviti utama program iaitu Program Anak Angkat, Seminar Kesedaran Alam Sekitar, Roadshow dan lawatan tapak di sekitar Ranau.

Seramai 12 dan 18 pelajar, masing-masing dari UKM dan UMS telah menyertai Program Anak Angkat yang bermula dari 3 hingga 10 Februari. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah ceramah, pertandingan melukis bersama kanak-kanak tadika, gotong-royong dan sukaneka bersama penduduk Kampung Kilimu, Ranau. Seminar Kesedaran Alam Sekitar dilaksanakan pada 7 - 8 Februari di Dewan Masyarakat Ranau dan dirasmikan oleh YB. Datuk Masidi Manjun selaku Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah. Dalam seminar ini, pameran kesedaran alam sekitar dan pembentangan 11 kertas kerja telah dijalankan di mana lima daripada kertas kerja tersebut dibentangkan oleh felo penyelidik / penyelidik bersekutu UKBA, UMS. Satu forum kesedaran alam sekitar juga dijalankan di penghujung seminar ini. Upacara penutupan seminar pula

dirasmikan oleh YB. Siringan Gubat selaku Ahli Parlimen Ranau. Roadshow Fakulti Sains & Teknologi, UKM dan Sekolah Sains & Teknologi, UMS telah dilaksanakan di Dewan SMK Lohan, Ranau untuk memberi maklumat dan pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah memasuki universiti. Satu taklimat mengenai kejadian dan mitigasi tanah runtuh juga telah disampaikan oleh Ketua Unit UKBA iaitu Dr Ismail Abd Rahim di Dewan Masyarakat Kudasang sebelum lawatan tapak kejadian tanah runtuh di sekitar SMK Kudasang dan Klinik Kudasang dijalankan.

Program ini diharap telah dapat memberikan banyak pengetahuan dan kesedaran kepada para peserta dan komuniti Ranau tentang ancaman dan kepentingan melindungi serta mencintai alamsekitar.